

PORTAL MYINVOIS KINI DIBUKA BAGI TUJUAN PENGELUARAN DAN PENGHANTARAN E-INVOIS

Selaras dengan usaha mempergiat promosi dan mendidik orang ramai ke arah pelaksanaan e-Invois, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa Portal MyInvois kini boleh diakses bagi tujuan pengeluaran dan penghantaran e-Invois. Ketersediaan Portal MyInvois ini membuktikan komitmen HASiL dalam memastikan pelaksanaan e-Invois berjalan dengan lancar terutamanya dalam kalangan pembayar cukai Fasa 1 yang akan menggunakan e-Invois secara mandatori mulai 1 Ogos 2024.

Menerusi perkembangan terbaharu ini, pembayar cukai boleh mengemukakan e-Invois kepada HASiL melalui dua (2) kaedah berikut:

- Integrasi *Application Programming Interface* (API) (bagi syarikat yang mempunyai sistem perisian sendiri); dan
- Portal MyInvois yang boleh diakses secara percuma di

<https://mytax.hasil.gov.my>

Terdapat dua (2) fungsi utama Portal MyInvois yang tersedia untuk kegunaan pengguna seperti berikut:

- Pengurusan Profil bagi Pengguna, Pembayar Cukai (Syarikat), Wakil, Sistem ERP dan Perantara; dan
- Pengurusan Dokumen merangkumi Pengemukakan, Semakan, Penolakan, Pembatalan dan Cetakan Dokumen.

Bagi memudahkan pengguna, HASiL turut menyediakan dua (2) persekitaran yang boleh diakses oleh pembayar cukai iaitu:

- Persekitaran Pengujian (*Sandbox*): Membolehkan pembayar cukai menguji fungsi yang disediakan dalam portal berkenaan sebelum menggunakan persekitaran sebenar (produksi). Maklumat yang dihantar ke Persekitaran Pengujian tidak akan disimpan dan direkodkan dalam pangkalan data HASiL dan Persekitaran Produksi.
- Persekitaran Produksi: Membolehkan pembayar cukai mengemukakan e-Invois dengan maklumat sebenar untuk direkodkan dalam pangkalan data HASiL.

Sebagai maklumat tambahan, Garis Panduan Umum e-Invois (Versi 3.0) dan Garis Panduan Spesifik e-Invois (Versi 2.2) telah dimuat naik di Laman Mikro e-Invois di Portal Rasmi HASiL menerusi pautan <https://www.hasil.gov.my/e-invois> sebagai rujukan dan panduan kepada pembayar cukai. Software Development Kit (SDK) Versi 1.0 juga telah dikemas kini dengan fungsi terbaharu iaitu pengesahan Tandatangan Digital.

Sebarang pertanyaan lanjut berhubung pelaksanaan e-Invois dan Portal MyInvois boleh disalurkan melalui:

- Meja Bantuan e-Invois HASiL di talian 03-8682 8000 (talian 24 jam);
- MyInvois Live Chat;
- E-mel myinvois@hasil.gov.my bagi pertanyaan umum e-Invois; dan
- Borang Maklum Balas Pelanggan MyInvois di pautan <https://feedback.myinvois.hasil.gov.my>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

ESCALATE THE PASSION

Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi: www.hasil.gov.my

Tarikh: 29 Jun 2024